

Nama:  
Jawatan

## ABSTRAK

Konsep malu merupakan satu konsep yang penting kerana ia merangkumi pegangan hidup, tingkah laku, kepercayaan dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Dalam hubungan ini, konsep malu orang Melayu didapati sangat luar biasa dan tersendiri kerana ia berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Secara asasnya, konsep malu merupakan konsep kesedaran berakhlak bagi orang Melayu yang juga berkait rapat dengan harga diri, maruah dan air muka. Bertitik tolak daripada sini, kajian ini mengemukakan satu analisis mengenai konsep malu orang Melayu yang diteroka secara dalaman. Sumber utama kajian adalah novel SAGA, karya Abdul Talib Mohd. Hassan. Sebanyak 37 peristiwa malu telah dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Selanjutnya, peristiwa-peristiwa malu itu telah dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep, Muriel Saville-Troike (Ajid Che Kob, 1991) dengan memberikan tumpuan terhadap komponen-komponen komunikasi. Selepas itu, data-data peristiwa malu dikategorikan ke dalam empat subkonsep malu mengikut pengkategorian Mohamed Mansor Abdullah (1993). Akhirnya, kajian ini telah mengaplikasikan Teori Pengurusan Air Muka (*Face Negotiation Theory*) yang telah diperkenalkan oleh Stella Ting-Toomey (1988). Melalui teori ini, gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik orang Melayu dapat dikenal pasti. Ini penting kerana peristiwa malu biasanya akan melibatkan 'air muka'. Justeru, konsep yang terdapat dalam teori ini, iaitu tentang kebimbangan air muka dan keperluan air muka menepati objektif kajian. Hasil kajian mendapati, struktur dan organisasi sosial orang Melayu akan menjadi lebih mantap dan kukuh jika berpegang kepada konsep malu. Manakala, individu yang telah hilang sifat malunya dianggap aib dan hina. Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat menjadi perintis dan menambah baik ilmu pengetahuan kita mengenai konsep malu yang mesti menjadi pegangan orang Melayu.

# THE CONCEPT OF SHYNESS AMONG MALAYS: A SOCIOLINGUISTIC STUDY

## ABSTRACT

The concept of shyness is an important concept as it encompasses the principles, behaviors, beliefs and rules that should be observed by its society. In relation to this, the concept of shyness among Malays is regarded as peculiar and unique as it is based on the Holy Quran and as-Sunnah. Basically, it is considered as a character awareness concept for the Malays which is very much related to self worth, dignity and maintenance of one's face. This being the starting point, the research tries to put forward an analysis of the concept of shyness among Malays which is explored in great depth. The main source of this research is the novel entitled SAGA, written by Abdul Talib Mohd. Hassan. As many as 37 events related to the concept of shyness have been analyzed using both qualitative and quantitative methods. The series of events are analyzed based on the conceptual framework provided by Muriel Saville-Troike (1991) with an emphasis on the communicative components. Thereafter, the data on shyness are categorized into four sub-concepts of shyness according to Mohamed Mansor Abdullah (1993). Face Negotiation Theory introduced by Stella Ting-Toomey (1988) is then applied to the data. This theory enables face negotiation and conflict management styles among Malays be distinguished. This is important because the events related to shyness are associated with 'face'. Therefore, the concepts that are within this theory, that is, 'face concern' and 'face need' fulfil the objective of this research. The findings reveal that the social structure and organization of the Malays will be further strengthened if they hold on to the concept of shyness. Nevertheless, an individual who is devoid of this trait is considered to be a disgrace and an embarrassment to his society. On the whole, it is hoped that this research will pave the way and increase our knowledge on the concept of shyness which is embraced by the Malays.

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya, dapat saya menyiapkan tesis yang bertajuk, “Konsep Malu Orang Melayu dalam Novel SAGA: Satu Kajian Sociolinguistik”. Pelbagai cabaran dan dugaan telah saya lalui namun syukur sekali lagi kerana diberikan kekuatan dan ketabahan oleh-Nya untuk terus mencipta kejayaan. Dalam kegembiraan ini, saya sentiasa sedar bahawa kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada sokongan dan dorongan ramai pihak yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan saya.

Dikesempatan yang ada, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu, Dr. Sakina Sahuri Bt. Suffian Sahuri yang sentiasa percaya dan yakin dengan kemampuan saya. Kepercayaan dan keyakinan itulah yang membangkitkan lagi semangat saya untuk terus mengorak langkah. Tidak lupa juga kepada emak (Hjh. Maryam Bt. Awang) dan arwah ayah yang dikasihi (Hj. Mohd. Kiram B. Salleh) yang banyak mendoakan kebahagiaan saya serta seluruh keluarga yang sangat saya sayangi. Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan mereka tidak terbalas oleh saya. Syukur juga kerana memiliki suami, iaitu Noor As’shikin B. Mohamad Sahari dan anak-anak (Nurin Kamilia & Amira Batrisyia) yang sangat memahami. Terima kasih juga kerana kalian sentiasa bersama saya, menemani waktu susah dan senang. Sekalung penghargaan juga kepada para sahabat di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Terima kasih kerana kalian telah banyak berkongsi ilmu,